

Diskusi **ICT**

Bersama FIRKHAN
sembangict@yahoo.com

Enkrip cakera keras

ADAKAH perlu untuk saya mengenkrip cakera keras bagi sebuah komputer?

- Tan, Kajang.

Pertamanya perlu diketahui, sekiranya mengenkrip keseluruhan cakera keras termasuk pemacu C yang terkandung sistem pengoperasian menggunakan aplikasi Windows BitLocker atau mana-mana aplikasi enkripsi akan melambatkan proses penggunaan komputer kerana setiap data atau aplikasi yang digunakan perlu melalui proses enkrip dan nyahenkrip termasuk larian sistem pengoperasian Windows.

Di samping itu, proses enkrip dan nyahenkrip bagi pemacu C ini juga akan menyebabkan penggunaan sumber tenaga yang tinggi terutama jenis komputer yang menggunakan bateri seperti komputer riba dan komputer tablet.

Perkara ini terjadi kerana perlaksanaan proses enkrip dan nyahenkrip bagi sesebuah fail memerlukan pemrosesan yang tinggi oleh pemroses dan mengambil masa yang agak lama. Hasilnya membuatkan anda akan melakukan banyak menunggu dapatan data yang sentiasa diproses oleh sistem komputer. Kesemua aktiviti menjadi perlahan seperti melancarkan program, membuka fail, membuka folder, salinan fail, mengeluarkan fail dari arkib, memasang program dan sebagainya.

Jadi, sebab utama dilakukan pengenkripan ke atas cakera keras adalah untuk melindungi data yang terkandung di dalamnya. Terdapat beberapa cara yang dibincangkan nanti untuk melindungi data yang terdapat di dalam cakera keras daripada dicapai oleh pihak yang tidak bertanggung jawab tanpa perlu mengenkrip bahagian cakera keras yang mengandungi sistem pengoperasian.

Namun begitu, sekiranya polisi sesebuah syarikat berkehendak untuk mengenkripsi keseluruhan cakera keras, perkara tersebut perlu diikuti.

1 Lakukan enkrip hanya pada bahagian tertentu dalam cakera keras bagi fail pengguna. Elakkan mengenkrip bahagian dalam cakera keras yang mengandungi sistem pengoperasian.

2 Penguncian capaian kepada cakera keras dengan meletakkan kata laluan pada peringkat BIOS (*Basic Input Output System*).

3 Letakkan kata laluan yang berenkrip pada satu-satu fail yang mengandungi maklumat penting terutama fail teks yang mengandungi maklumat peribadi seperti nombor akaun bank dan lain-lain.

4 Letakkan kata laluan berenkrip pada satu-satu fail yang mengandungi maklumat penting terutama fail teks yang mengandungi maklumat peribadi seperti nombor akaun bank dan lain-lain.

Akhir sekali, sangat penting untuk mengingati kata laluan atau kod pin yang digunakan ke atas fail atau sejumlah fail atau bahagian cakera keras yang telah dienkrip. Sekiranya lupa, tuan punya fail pun tidak boleh membukanya.